

24/06/1998

Indonesia jamin hantar tenaga mahir, separuh mahir

KUALA LUMPUR, Selasa - Indonesia memberi jaminan akan hanya menghantar tenaga mahir dan separuh mahir pada masa hadapan untuk memenuhi permintaan Malaysia dalam semua sektor, termasuk pembinaan dan industri.

Menteri Tenaga Kerjanya, Fahmi Idris, berkata Indonesia menerima permintaan kira-kira 46,000 pekerja mahir dan separuh mahir daripada pengusaha beberapa sektor negara ini, khususnya perindustrian.

Sehubungan itu, katanya, Indonesia yang mempunyai 155 pusat latihan vokasional akan mempertingkatkan latihan dan menyesuaikan kursus pengajian bidang tertentu bagi membolehkan pelajarnya dihantar berkhidmat di Malaysia.

"Penghantaran pekerja terlatih dan separuh terlatih ini ialah untuk membolehkan kedua-dua negara mendapat faedah bersama.

"Untuk menghantar pekerja terlatih ini, Indonesia akan memperbaiki latihan dan kursus institusi pendidikan berkaitan, termasuk di pusat latihan vokasional supaya tenaga yang mahir saja dihantar ke Malaysia," katanya kepada pemberita selepas mengunjungi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Jabatan Perdana Menteri, di sini hari ini.

Lawatan kerja pertama selepas penubuhan Kabinet baru Indonesia itu turut disertai Menteri Koperasi, Pengusaha Kecil dan Menengah, Adi Sasono dan Duta Besar Indonesia ke Malaysia, Muhammad Jacob Dasto.

Sebelum itu, dua menteri yang disertai 29 usahawan Indonesia itu turut mengunjungi Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

Fahmi berkata, selepas ini Indonesia akan menumpukan usaha menghantar tenaga mahir seperti juruteknik industri, pembinaan dan elektronik serta bidang lain yang diperlukan oleh Malaysia.

"Kita akan memberi tumpuan menghantar pekerja mahir seperti juruteknik pelbagai bidang seperti industri, pembinaan, elektronik dan sektor perkilangan yang masih memerlukan ramai tenaga mahir," katanya.

Menurutnya, walaupun jumlah pekerja yang diperlukan tidak dibincangkan dalam pertemuan dengan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri serta Kementerian Sumber Manusia, tetapi permintaan pasaran tempatan memerlukan kira-kira 46,000 pekerja.

Ketika ini kira-kira 755,000 rakyat Indonesia bekerja di negara ini dan daripada jumlah itu 20 peratus pekerja tidak mahir.

Fahmi juga berharap struktur dan mekanisme penghantaran pekerja diperbaiki dengan mengurangkan penggantungan majikan terhadap agensi pekerjaan tempatan.

(END)